

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	MENYEDIAKAN PLATFORM GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN DAN PENGANJURAN MAJLIS PELANCARAN GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN
OBJEKTIF	:	1. Menyediakan repositori garis panduan pelesenan perniagaan secara berpusat dan boleh dicapai oleh umum dengan mudah dan cepat melalui atas talian; dan 2. Menyokong pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah Inisiatif 2.1.6: Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen.
JANGKAAN FAEDAH	:	1. Negara akan lebih berdaya saing dengan ketelusan maklumat pematuhan peraturan yang berkualiti. Peniaga boleh mengakses maklumat garis panduan dengan mudah menerusi Internet daripada satu repositori berpusat; 2. Peniaga mudah mematuhi peraturan dan dapat mengurangkan kos bebanan peraturan yang tidak wajar; dan 3. Pengawal selia akan lebih produktif dengan menghasilkan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti dan cepat. Kos pentadbiran turut dapat diminimalkan.
TEMPOH/MASA	:	Ogos – Oktober 2021
KOS	:	RM57,300
BAJET	:	Bajet Pembangunan RMK-12 –FORE 2021
DISEDIAKAN OLEH	:	Seksyen Daya Saing (NCS)/ Bahagian Pembangunan Produktiviti & Dayasaing (PCD)

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN (BOM)

MENYEDIAKAN PLATFORM GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN DAN PENGANJURAN MAJLIS PELANCARAN GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN

1.0 Tujuan

Kertas cadangan ini bertujuan untuk memaklumkan Lembaga Pengurusan (BOM) mengenai perancangan untuk menyediakan platform garis panduan pelesenan perniagaan (portal atas talian) dan mendapatkan kelulusan untuk menggunakan sejumlah peruntukan RMK-12 FORE 2021 sebanyak RM57,300 untuk menjalankan projek ini termasuk menganjurkan majlis pelancaran rasmi.

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 12 pada 25 Jun 2020 telah bersetuju dengan syor MPC iaitu supaya semua kementerian / agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan permit dan lesen menerbitkan **Garis Panduan Permohonan Lesen** yang akan dipaparkan secara dalam talian untuk makluman umum.
- 2.2 Di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP), MPC telah menerima mandat sebagai agensi peneraju bagi inisiatif 2.1.6 iaitu **membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen**. Melalui mandat ini, MPC telah melaksanakan projek **Penambahbaikan Ketelusan Pelesenan Perniagaan** di peringkat Persekutuan (tahun 2020) dan sedang dilaksanakan di peringkat negeri dan kerajaan tempatan (tahun 2021-2023).
- 2.3 Atas dasar ini, selaras dengan usaha untuk menyokong Inisiatif 2.1.6 NACP ini dalam memastikan Proses Pengeluaran Permit dan Lesen lebih cekap dan berkesan, MPC bercadang untuk menyediakan satu platform garis panduan (portal atas talian) yang akan mengumpulkan semua garis panduan pelesenan perniagaan termasuk maklumat-maklumat yang berkaitan secara berpusat untuk dijadikan rujukan umum khususnya komuniti perniagaan.

- 2.4 Portal ini juga dijangka dapat membantu MPC khususnya dalam mencipta *synergy* dalam perkongsian maklumat pelesenan perniagaan yang mana masa pencarian maklumat pelesenan perniagaan akan lebih mudah dan cepat. Selain itu kos pematuhan peraturan juga dapat dijimatkan dan pengawalseliaan peraturan akan lebih cekap dan berkesan seterusnya menjamin sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkualiti.
- 2.5 Sehubungan dengan perkara ini, satu majlis pelancaran rasmi adalah dicadangkan bagi mempromosi portal garis panduan pelesenan ini. Majlis perasmian akan disempurnakan oleh Ketua Pengarah GIACC dengan jangkaan kehadiran melibatkan semua pihak berkepentingan khususnya pihak berkuasa melesen (PBM).
- 2.6 Cadangan ini telah melalui **mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) MPC Bil. 3/2021 pada 9 Ogos 2021 dan telah mendapat kelulusan.**

3.0 Objektif

Objektif melaksanakan program ini adalah seperti berikut:

- 3.1 Menyediakan repositori garis panduan pelesenan perniagaan secara berpusat dan boleh dicapai oleh umum dengan mudah dan cepat melalui atas talian; dan
- 3.2 Menyokong pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah Inisiatif 2.1.6: Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen.

4.0 Output

- 4.1 Portal Garis Panduan Pelesenan Perniagaan; dan
- 4.2 Majlis Pelancaran Portal Garis Panduan Pelesenan Perniagaan secara atas talian.

5.0 Jangkaan Faedah

- 5.1 Negara akan lebih berdaya saing dengan ketelusan maklumat pematuhan peraturan yang berkualiti. Pelabur boleh mengakses maklumat garis panduan dengan mudah menerusi Internet daripada satu repositori berpusat;
- 5.2 Peniaga mudah mematuhi peraturan dan dapat mengurangkan kos bebanan peraturan yang tidak wajar; dan
- 5.3 Pengawal selia akan lebih produktif dengan menghasilkan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti dan cepat. Kos pentadbiran turut dapat diminimakan.

6.0 Tempoh/Masa

Projek penyediaan Portal Garis Panduan akan dilaksanakan pada bulan Ogos hingga September 2021. Persiapan untuk majlis pelancaran akan dilaksanakan secara serentak. Tarikh majlis pelancaran disasarkan pada 8 Oktober 2021 (rujuk Jadual 1 untuk Jadual Perancangan Aktiviti).

Jadual 1: Jadual Perancangan Aktiviti

	Aktiviti	Tempoh										
		Ogos			Sept				Okt			
1.	Menyediakan Portal Garis Panduan Pelesenan											
	Kelulusan Projek											
	Perlantikan Vendor											
	Merekabentuk Portal											
	Kelulusan Pengurusan											
	Sistem <i>go-live</i>											
2.	Pelancaran Rasmi Portal Garis Panduan Pelesenan											
	Berhubung dengan GIACC											
	Promosi dan Jemputan											
	Pengisian Program											
	<i>Rehearsal</i>											
	Mailis Pelancaran											

7.0 Jangkaan Kos

Kos merangkumi perbelanjaan penyediaan portal dan penganjuran majlis pelancaran. Jumlah keseluruhan kos adalah **RM57,300**. Perincian kos adalah seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Perincian Kos Projek

No	Perkara	Perincian	Jumlah (RM)
1.	Membangunkan Portal Garis Panduan	a. Modifikasi dan konfigurasi sistem b. Yuran Langganan (setahun)	30,000
2.	Majlis Pelancaran Portal Garis Panduan	a. Montaj Pelancaran b. Forum Garis Panduan Pelesenan: - Bayaran penceramah (RM300 X 2 jam X 3 pax) - Moderator (RM250 X 2 jam) c. Promosi: ePoster dan Video (<i>teaser</i>) d. Media release (dwi-bahasa) & speech input (BM) e. Sewaan platform	6,000 2,300 5,000 6,000 8,000
JUMLAH			57,300

8.0 Syor

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk **menimbang dan meluluskan cadangan membangunkan Portal Garis Panduan Pelesenan Perniagaan dan menganjurkan Majlis Pelancaran Garis Panduan Pelesenan Perniagaan** dengan jangkaan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM57,300** yang akan menggunakan peruntukan pembangunan RMK-12 FORE 2021.

Disediakan oleh:


Mohd Hilmi Mohd Idris

Pengurus
NCS/PCD
Tarikh: 16 Ogos 2021

Disemak oleh:


Mohamad Azrol Mohamad Dali

Timbalan Pengarah
NCS/PCD
Tarikh: 16 Ogos 2021

Disokongkan oleh:


Wan Fazlin Nadia Wan Osman

Pengarah
NCS/PCD
Tarikh: 20 Ogos 2021